



# KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PRINSIP AKAUN  
3756/2**

**SPM  
2014**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	3756/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

**PRESTASI KESELURUHAN**

Jawapan calon mempamerkan keupayaan penguasaan terhadap format jawapan yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang sederhana serta berupaya menangani sebahagian besar pelarasan yang pelbagai dan aras tinggi. Jawapan calon juga disertakan dengan jalan kerja yang relevan, jelas dan tepat. Walau bagaimanapun terdapat juga jawapan yang hanya mempamerkan penguasaan terhadap format jawapan yang asas sahaja berasaskan pengetahuan dan kemahiran yang mencakupi situasi dan konteks yang biasa serta respon yang terhad. Jawapan calon juga mempamerkan keupayaan terhad dalam menyelesaikan masalah berkaitan pelarasan dan terdapat juga jawapan yang tidak disertakan dengan jalan kerja yang sepatutnya disertakan. Jawapan bagi soalan 1, 3 dan 6 yang dipersembahkan secara keseluruhannya adalah sangat baik.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Kumpulan Tinggi**

Jawapan yang dipamerkan mencakupi aspek pengetahuan, kefahaman dan aplikasi lanjutan dalam simpan kira. Jawapan calon telah mengaplikasi prinsip catatan bergu, menyediakan penyata kewangan yang melibatkan sebahagian besar pelarasan yang lebih kompleks bagi susut nilai, terakru, terdahulu, hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu dan sebagainya, memahami fungsi jurnal dan berupaya mengenal pasti jenis kesilapan catatan dan membuat pembedaan dengan tepat. Tafsiran perbandingan penyata kewangan adalah jelas dan tepat berasaskan kepada analisa nisbah yang dihitung. Klasifikasi kos berjaya ditunjukkan mengikut komponen dengan betul dan ini membantu persembahan jawapan menentukan kos pengeluaran mengikut format yang tepat. Angka kos bagi item adalah sebahagian besarnya tepat. Sebahagian besar pelarasan rencam berjaya diselesaikan.

**Kumpulan Sederhana**

Jawapan calon pada tahap yang baik dalam aspek pengetahuan, kefahaman dan aplikasi dalam simpan kira. Prinsip catatan bergu berjaya diaplikasi. Penyata kewangan yang disediakan melibatkan sebahagian pelarasan yang kompleks bagi susut nilai, terakru, terdahulu, hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu. Fungsi jurnal difahami dan jenis kesilapan dapat dikenal pasti serta pembedaan sebahagian daripadanya dibuat dengan tepat. Tafsiran perbandingan penyata kewangan berjaya dijelaskan berasaskan kepada sebahagian daripada analisa nisbah yang dihitung. Seterusnya sebahagian besar klasifikasi kos mengikut komponen berkaitan dapat ditentukan dengan betul. Penentuan kos pengeluaran menepati format walaupun sebahagian daripada kos yang terlibat tertakluk kepada pelbagai tahap pelarasan.

## Kumpulan Rendah

Jawapan calon adalah pada tahap sederhana dalam aspek pengetahuan, kefahaman dan aplikasi prinsip simpan kira. Kualiti jawapan calon adalah pada tahap minimum dalam mengaplikasi prinsip catatan bergu, menyedia penyata kewangan yang melibatkan pelarasan mudah bagi susut nilai, terakru, terdahulu, hutang lapuk dan peruntukan hutang ragu. Persembahan calon menunjukkan kefahaman fungsi jurnal dan keupayaan mengenal pasti jenis kesilapan catatan tetapi hanya berjaya membuat sebahagian pembetulan dengan betul. Perbandingan antara dua penyata kewangan berjaya ditafsir berdasarkan sebahagian daripada analisa nisbah yang dihitung. Kos mengikut komponen berjaya dikenal pasti dalam menentukan kos pengeluaran tetapi sebahagiannya kurang tepat disebabkan penguasaan pelarasan yang sangat minimum.

## PRESTASI TERPERINCI

### SOALAN 1

- 1 (a) Aliyah Enterprise berhutang sebanyak RM1 200 dengan Mahkota Holding. Sekeping cek untuk membayar hutang tersebut diterima oleh Mahkota Holding pada 3 September 2014 iaitu dalam tempoh kredit dan layak menerima diskaun tunai 5%.

Kirakan diskaun tunai yang diterima oleh Aliyah Enterprise.

Bagi soalan 1a, calon dikehendaki mengira diskaun tunai 5% atas jumlah hutang RM1 200.

---

$$(a) \text{ RM } 1200 \times \frac{5}{100} = \text{RM } 60$$

---

Jawapan di atas menunjukkan calon menggunakan angka jawapan yang tepat dengan jalan kerja yang lengkap.

---

$$\begin{aligned} 1.(a) \text{ Belian} \times \text{diskaun tunai} &= \text{Diskaun-tunai yang diterima} \\ &= \text{RM } 1200 \times \frac{5}{100} \\ &= \text{RM } 600 \end{aligned}$$

---

Terdapat juga jawapan calon yang menunjukkan jalan kerja yg tepat tetapi memberikan angka jawapan yang salah (salah kira).

$$\begin{aligned}
 \text{Diskaun Tumi} &= \text{RM } 1200 - (\text{RM } 1200 \times 5\%) \\
 &= \text{RM } 1200 - \text{RM } 60 \\
 &= \text{RM } 1,140
 \end{aligned}$$

Calon prestasi rendah menunjukkan angka jawapan yang merujuk kepada jumlah yang perlu dibayar bukan angka diskaun. Dalam kes ini didapati calon tidak memahami tugas soalan.

(b) Maklumat berikut diambil daripada Zara Cafe.

Belian alatan pejabat bernilai RM2 850 telah tersilap catat dalam Akaun Belian.

Betulkan kesilapan tersebut menggunakan jurnal.

Calon dikehendaki membuat pembetulan kesilapan prinsip yang melibatkan belian aset yang tersilap catat dalam akaun belian menggunakan jurnal am.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	(b) Akaun Alatan Pejabat	2850	
	Akaun Belian		2850

Jawapan calon di atas berupaya membetulkan kesilapan melalui catatan jurnal am walau pun sebahagian daripadanya tidak menunjukkan 'keterangan' yang sepatutnya ada.

(b) Akaun Belian dikredit RM 2850.  
Akaun alatan pejabat debit RM 2850.

Terdapat juga jawapan calon dapat mengenal pasti akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan untuk membetulkan kesilapan tetapi jawapan tidak ditunjukkan dalam format jurnal am.

		Debit	Kredit
b) Tarikh	Akaun Belian	2850	
	Majikan Pejabat		2850

Jawapan calon di atas disediakan dalam format jurnal am tetapi membuat catatan secara terbalik antara debit dan kredit. Calon didapati tidak menguasai kemahiran dalam pembetulan kesilapan.

- (c) Daily One Berhad mempunyai modal yang terdiri daripada 100 000 unit 6% saham keutamaan RM2.50 sesaham dan 200 000 unit saham biasa RM2.00 sesaham.

Hitung modal dibenarkan.

Soalan menghendaki calon menghitung jumlah modal dibenarkan yang terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan.

$$(c) \quad (100\,000 \times 2.5) + (200\,000 \times 2) = 250\,000 + 400\,000$$

$$= \text{RM } 650\,000$$

Jawapan yang dipersembahkan oleh sebahagian besar calon adalah menepati kehendak tugas soalan. Jawapan disertakan dengan jalan kerja yang jelas.

$$(c) \quad [(100\,000 \times 6\%) \times \text{RM } 2.50] + 200\,000 \times \text{RM } 2$$

$$= \text{RM } 415\,000$$

Jawapan di atas gagal menghitung modal saham keutamaan kerana mengambil kira peratus dividen dalam pengiraan.

$$1(c) \quad \text{Saham biasa} = 200\,000 \text{ unit} \times \text{RM } 2.00$$

$$= \text{RM } 400\,000$$

$$\text{Saham keutamaan} = (100\,000 \times 6\%) \times \text{RM } 2.50$$

$$= 6\,000 \text{ unit} \times \text{RM } 2.50$$

$$\text{Modal dibenarkan} = \text{RM } 15\,000$$

Jawapan di atas tidak menjumlahkan saham biasa dan saham keutamaan untuk mendapatkan modal dibenarkan (jumlah kedua-dua saham).

(d) Nyatakan langkah yang perlu dilakukan apabila berlaku pembubaran dalam perkongsian. [2 markah]

Soalan mengkehendaki calon menyatakan urutan langkah semasa proses pembubaran.

1) Menjual atau mengambil alih semua aset dalam perkongsian.
Menyetakan semua <del>ke</del> liabiliti perkongsian.
<del>Meny</del> Perमाण menyetakan hilangnye kepada akaun modal dan akaun serasa perkongsi
Pembatalan nama perkongsian di SSM.

Jawapan calon menunjukkan proses pembubaran mengikut urutan dengan jelas.

Pindahkan semua aset ke Akaun Realisasi. Menghitung jumlah aset memindahkan baki akaun realisasi ke akaun modal setruanya, memindahkan baki akaun modal ke akaun bank dan akhir sekali menutup dan mengimbangkan akaun Bank.

Jawapan di atas tidak menjawab mengikut tugas soal. Jawapan calon lebih tertumpu kepada aspek perakaunan dalam pembubaran dan bukan urutan proses pembubaran.

1) Langkah yang perlu dilakukan apabila berlaku pembubaran dalam perkongsian.  
1) Menghapuskan semua aset  
2) Mengira untung dan rugi

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak menguasai aspek 'teori' dalam tajuk pembubaran dan memberikan jawapan yang umum.

- (e) Kelab Tenis Putra mempunyai 45 orang ahli pada 31 Disember 2013. Yuran tahunan sebanyak RM120 seorang. Yuran yang telah diterima untuk sepanjang tahun 2013 sebanyak RM5 820.

Akaun Yuran pada 31 Disember 2013 adalah seperti di bawah:

<b>Akaun Yuran</b>			
	RM		RM
Baki b/b	240	Baki b/b	120
Pendapatan dan perbelanjaan	?	Bank	?
Baki h/b	360	Baki h/b	60
	=====		=====
	=====		=====

Lengkapkan Akaun Yuran kelab berkenaan.

Soalan mengkehendaki calon menyalin semula Akaun Yuran dengan menentukan angka jumlah bagi item pendapatan dan perbelanjaan (sebelah debit) dan item bank (sebelah kredit).

e)

Akaun Yuran			
	RM		RM
Baki b/b	240	Baki b/b	120
Pendapatan dan perbelanjaan	5400	Bank	5820
Baki h/b	360	Baki h/b	60
	6000		6000
Baki b/b	60	Baki b/b	360

Jawapan di atas menunjukkan calon telah menyediakan akaun yuran dengan lengkap dan tepat

1(e)		Akaun Yuran	
Baki b/b	Rm 240	Baki b/b	Rm 120
Pendapatan dan dan Perbelanjaan	4780	Bank	5400
Baki h/b	360	Baki h/b	60
	<u>5580</u>		<u>5580</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon gagal memahami dan mentafsir maklumat yang diberi dalam soalan. Sehubungan itu, angka bagi item bank (sebelah kredit) yang sepatutnya RM5820 (maklumat dalam soalan) tidak ditunjukkan. Kesan daripada itu angka jawapan bagi item pendapatan dan perbelanjaan yang boleh ditentukan melalui angkaimbangan adalah tidak tepat.

e)		Akaun Yuran	
	Rm		Rm
<del>Akaun</del> Baki b/b	240	Baki b/b	120
Pendapatan dan perbelanjaan		Bank	
Baki h/b	360	baki h/b	60

Jawapan di atas menunjukkan calon hanya menyalin soalan.

## SOALAN 2

2 Tiewah memulakan perniagaan pada 1 November 2013 dengan modal berikut:

	RM
Tunai di bank	5 000
Premis (kos)	30 000
Peralatan (kos)	8 000

Maklumat berikut diperolehi pada akhir tahun kewangan 31 Oktober 2014:

	RM
(i) Urus niaga bank adalah seperti berikut:	
Penerimaan:	
Kutipan daripada penghutang	45 826
Tunai dibankkan	62 874
Pembayaran:	
Bayaran kepada pemiutang	48 958
Kenderaan	33 000
Penyelenggaraan kenderaan	2 816
Belanja pentadbiran	4 800
Belanja am	4 525
(ii) Urus niaga tunai adalah seperti berikut:	
Pembayaran:	
Gaji	8 520
Ambilan	5 800
Belian	15 463
Penyelenggaraan kenderaan	3 254
(iii) Aset dan liabiliti pada 31 Oktober 2014:	
Premis	30 000
Peralatan	7 200
Kenderaan	29 600
Stok:	
Harga jualan	16 840
Harga kos	9 650
Penghutang	9 840
Tunai di tangan	500
Belanja Pentadbiran terdahulu	875
Pemiutang	7 470
Gaji terakru	190
(vi) Sepanjang tahun perakaunan, pemilik mengambil barang niaga bernilai RM1 300 untuk kegunaan peribadi namun belum direkod di dalam mana-mana buku.	
(v) Seorang penghutang tidak dapat dikesan dan baki hutangnya bernilai RM365 dihapuskan sebagai hutang lapuk.	

Secara keseluruhannya soalan 2 mengkehendaki calon menyediakan Akaun Bank dan Akaun Tunai berdasarkan baki awal bank beserta maklumat penerimaan dan pembayaran. Di samping itu soalan ini mengkehendaki calon menyediakan penyata pendapatan dan Kunci kira-kira dengan merujuk maklumat sebelumnya termasuk dua maklumat tambahan yang lain.

(a) Akaun Bank

Soalan 2a memerlukan calon menyediakan Akaun Bank berdasarkan maklumat baki awal tunai di bank, urus niaga penerimaan dan pembayaran melalui bank. Soalan ini memerlukan calon menguasai pengetahuan merekod penerimaan dan pembayaran melalui bank dengan menggunakan butir yang tepat. Akaun ini juga perlu diimbang pada akhir tempoh perakaunan.

2) a)

		Akaun Bank					
2013	Butir	Folio	RM	Tarikh	Butir	Folio	RM
Nov 1	Baki b/b		5000				
2014				2014			
Okt 31	Penghutang		45 826	Okt 31	Pemutang		48 958
	Tunai		62 874		Belian Kenderaan		33 000
					Penyelenggaraan		
					Kenderaan		2 816
					Belanja pentadbiran		4 800
					Belanja am		4 525
					Baki h/b		19 601
			113 700				113 700
2014							
Nov 1	Baki b/b		19 601				

Akaun Bank telah disediakan dengan betul dan tepat. Ada juga yang menggunakan butir yang tidak tepat bagi sebahagian kecil item. Contohnya item 'kenderaan' ditulis sebagai 'belian kenderaan'.

2 a)		Akaun	Bank	
		Rm		Rm
Baki b/b		5 000	Demutang	48 958
Penghutang		45 826	Kenderaan	33 000
Tunai		62 874	Penyelenggaraan kenderaan	2 816
			Belanja pentadbir	4 800
			Belanja am	4 525
			Baki h/b	19 601
		<u>113,700</u>		<u>113,700</u>

Akaun Bank disediakan dengan betul tetapi tidak melengkapkan catatan pengimbangan akhir akaun bank (baki h/b tidak dibawa ke bawah sebagai baki b/b).

2(a)		Akaun	Bank	
2014		RM		RM
okt 1	Baki b/b	5000	hutang lapuk	365
	Penerimaan	108700	Pembayaran	94099
			Baki h/b	1923
		<u>113700</u>		<u>113700</u>
	Baki b/b	<u>19236</u>		

Butir sebelah debit dan sebelah kredit tidak ditulis secara terperinci tetapi hanya menunjukkan jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran secara 'lump sum'. Ada juga item yang tidak berkaitan seperti hutang lapuk dimasukkan dalam jawapan calon.

(b) Akaun Tunai

Soalan ini memerlukan calon menyediakan Akaun Tunai daripada maklumat pembayaran dan baki akhir tunai sahaja. Calon perlu memikirkan item yang sepatutnya boleh diambil kira untuk catatan di sebelah debit (item 'Jualan') dengan menggunakan angka imbalan.

2) b)		Akaun		Tunai			
2014	Butir	Folio	RM	2014	Butir	Folio	RM
okt 31	<del>Jualan</del>		<del>964</del> <del>33807</del>	okt 31	Gaji		8520
	Jualan		96411		Ambilan		5800
					Belian		15 463
					Penyelenggaraan		
					Kenderaan		3524
					<del>Baki b/b</del> Bank		<del>62874</del> <del>500</del>
			<del>33807</del>		Baki h/b		<del>33807</del> 500
2014			96411				96411
Nov 1	Baki b/b		500				-

Walaupun cara persembahan maklumat soalan bagi tugas ini adalah di luar kebiasaan, namun jawapan calon di atas masih lengkap dan tepat.

2) b)		Akaun		Tunai			
			RM				RM
	Baki b/b		500		Gaji		8520
					Ambilan		5800
					Belian		15463
					Penyelenggaraan kenderaan		3254
	Baki h/b		32537				
			<u>33037</u>				<u>33037</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak mengambil kira catatan baki akhir dalam menyediakan akaun ini walaupun maklumat baki ini jelas dalam soalan. Oleh yang demikian angka imbalan yang sepatutnya diwakili oleh angka jualan tidak dapat ditentukan. Terdapat juga calon merekodkan baki akhir sebagai baki awal. Kesan kesilapan ini menyebabkan akaun tunai berbaki kredit.

(2) (b).				
	Akaun Tunai		RM	RM
	Gaji			8520
	Ambilan			5800
	Belian			15463
	Penyelenggaraan kenderaan			3254
				<u>33037</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak menguasai format asas penyediaan Akaun Tunai. Terdapat calon dalam katogeri ini hanya menyenaraikan item berdasarkan maklumat pembayaran yang diberi tanpa mengambil kira baki akhir.

(c) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2014

Penyata pendapatan perlu disediakan mengikut format yang betul dengan mengambil kira semua maklumat yang diberikan dalam soalan termasuk item 'Jualan' yang dikenal pasti dalam soalan 2b. Kemahiran menentukan susut nilai berdasarkan kaedah penilaian semula adalah diperlukan. Di samping itu juga kemahiran membuat pelarasan berhubung ketinggalan catatan serta kewujudan hutang lapuk dalam maklumat pelarasan perlu dikuasai.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 oktober 2014

Jualan				89838 15244.2
Tolak : kos Jualan				
Belian			70591	
Kos Belian			70591	
Kos Barangan Untuk Dijual			70591	
(-) Stok Akhir			9650	
Kos Jualan				60941
Untung Kasar				<del>28897</del> 91501
(-) Belanja				
Belanja am			4525	
Gaji			8710	
Belanja pentadbiran			3925	
Susut nilai peralatan			800	
Susut nilai kenderaan			3400	
Hutang lapuk			365	
Penyelenggaraan kenderaan			6070	
				27795
Untung Bersih				<del>102</del> 63706

Jawapan di atas adalah jawapan yang lengkap dan tepat.

TIEYAH  
 Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2014:

	(RM)	(RM)	(RM)
Jualan			56031
Totale Kos Jualan			
Belian (48958 + 7470 + 15463 - 1300)		70591	
- Stok akhir		9650	
			60941
Untung Kasar			(4910)
- Belanja			
Belanja am		4525	
Penyelenggaraan kenderaan (2816 + 3254)		6070	
Susut Nilai Kenderaan (33000 - 29600)		3400	
Susut Nilai Peralatan (8000 - 7200)		800	
Hutang Lapuk		365	
Belanja Pentadbiran (4800 - 875)		3925	
Gaji (8520 + 190)		8710	
			27795
Rugi Bersih			(32705)

Jawapan di atas mempamerkan keseluruhan jawapan yang lengkap tetapi tidak dapat menentukan untung bersih yang sepatutnya disebabkan angka jualan hanya merujuk kepada jualan kredit sahaja. Calon sepatutnya mengambil kira juga jualan tunai seperti dalam soalan 2a.

c) Tieyah

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2014			
Jualan			16840
Tolak : kos Jualan			
Belian		15463	
+ Harga kos		9650	
			25113
			(8273)
Tolak : Belanja			
Gaji		8520	
Penyelenggaraan kenderaan (3254 + 2816)		<del>6070</del> 3254	
Kenderaan Belanja pentadbiran		4800	
Belanja am		4525	
			23915
Rugi Bersih			(32188)

Jawapan menepati format asas penyata pendapatan. Walau bagaimana pun komponen kos jualan tidak lengkap dan hanya menguasai pelarasan yang biasa sahaja (aras rendah).

(d) Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2014

Soalan ini memerlukan calon menyediakan Kunci Kira-kira dalam format penyata atau 'T'.

	Kunci Kira-kira pada 31	oktober	2014	
		RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>				
Premis			90000	
Peralatan			7200	
Kenderaan			29600	
				66800
<u>Aset Semasa</u>				
Bank			19601	
Tunai			500	
Belanja pentadbiran terdahulu			875	
Penghutang			9840	
Stok Akhir			9650	
			40466	
<u>liabiliti semasa</u>				
Pemintang		7470		
Gaji terakru		190		
			7660	
<u>Modal Kerja</u>				32806
				<u>99606</u>
<u>Dibiayai oleh: Ekuiti Pemilik</u>				
Modal Awal			43006	
(-) Ambilan			7100	
			35906	
(+) Untung Bersih			<del>63706</del> 402	
				<u>99606</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon berupaya menyediakan Kunci Kira-kira dengan lengkap dan tepat dalam bentuk penyata (modal kerja ditunjukkan).

TIEYAH

Kunci Kira-kira pada 31 Oktober 2014

Aset Bukan Semasa	(RM)	(RM)	(RM)
Premis		30 000	
Kenderaan	33 000		
- Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (33000-29600)	3400		
		29600	
Peralatan	8000		
- Susut Nilai Terkumpul Peralatan (8000-7200)	800		
		7200	
			66800
Aset Semasa			
Stok akhir		9650	
Penghutang		9840	
Tunai		500	
Belanja Penadbiran terdahulu		875	
		20865	
- Liabiliti semasa			
Overdraft bank	13936		
Gaji terakur	190		
Pemiutang	7470		
		21596	
Modal kerja			(731)
			66069
Eluati Pemilik			
Modal awal	43000		
+ Modal tambahan	62874		
	105874		
- Rugi bersih	32705		
		73169	
- Ambilan (5800+1300)		7100	
			66069

Calon dapat menyediakan Kunci Kira-kira dalam bentuk penyata yang lengkap tetapi terdapat beberapa angka item yang tidak betul kerana merujuk jawapan soalan 2a yang tidak tepat.

(2) (D)

## LEJAR

Kunci Kira - kira pada 31 Oktober 2014				RM	RM
ASET BUKAN SEMASA				296	
Kenderaan				29600	
Peralatan				7200	
Premis				30000	
					66800
ASET SEMASA					
Perhutang				45826	
Tunai				62874	
				108700	
TOLAK LIABILITI					
Pemiutang				7470	
Gaji terakru				190	
				101040	
EKUITI PEMILIK					
Ambilan				15463	

Calon dapat menyediakan komponen item dalam Kunci Kira-kira dengan betul tetapi sebahagian komponen tidak mencakupi keseluruhan item yang sepatutnya. Walau bagaimanapun sebahagian besar calon berjaya menunjukkan komponen aset bukan semasa dengan tepat. Ini adalah kerana maklumat dalam soalan untuk kesemua item Aset Bukan Semasa dinyatakan dengan jelas.

### SOALAN 3

- 3 Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Adli pada 30 September 2014.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Oktober 2013		120 000
Stok pada 1 Oktober 2013:		
Bahan langsung	9 000	
Kerja dalam proses	12 500	
Barang siap	7 600	
Alat-alat kecil	750	
Mesin (kos)	112 000	
Susut nilai terkumpul mesin		42 000
Belian bahan langsung	155 000	
Jualan		560 000
Sewa	30 000	
Belanja kenderaan	62 000	
Elektrik	22 500	
Belanja membaiki mesin	9 500	
Belian alat-alat kecil	5 000	
Belanja pentadbiran	43 900	
Upah:		
Langsung	123 500	
Tak langsung	27 800	
Gaji	45 000	
Belanja jurujual	11 230	
Penghutang	57 500	
Pemiutang		20 640
Bank	7 860	
	<u>742 640</u>	<u>742 640</u>

Maklumat pada 30 September 2014:

	RM	
(i) Stok:		
Bahan langsung	9 750	
Kerja dalam proses	11 600	
Barang siap	12 350	
Alat-alat kecil	800	
(ii) Terakru:		
Upah langsung	2 120	
Upah tak langsung	640	
(iii) Sewa terdahulu	2 400	
(iv) Susut nilai mesin adalah 10 % setahun atas kos		
(v) Pembahagian belanja:		
	<b>Kilang</b>	<b>Pejabat</b>
	%	%
Sewa	75	25
Belanja kenderaan	60	40
Elektrik	90	10
Belanja membaiki mesin	90	10
Gaji	40	60

Soalan ini menguji calon dalam bidang perakaunan pengurusan dan pengkosan. Mereka dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran dan Akaun Perdagangan dengan lengkap. Calon juga dikehendaki mengira kos berubah seunit dan harga jualan seunit bagi produk yang dihasilkan.

- (a) Menyediakan akaun yang berikut pada 30 September 2014:  
 (i) Akaun Pengeluaran

Soalan ini mengkehendaki calon menyediakan Akaun Pengeluaran dengan mengambil kira maklumat dalam soalan yang berkaitan sahaja. Calon perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran untuk menyediakan Akaun Pengeluaran mengikut format yang tepat sama ada dalam bentuk penyata atau 'T'. Untuk membolehkan kos pengeluaran yang tepat ditentukan, calon perlu mengenal pasti item yang terlibat mengikut komponen kos yang betul. Calon juga perlu mempunyai kemahiran membuat pelarasan pelbagai aras yang berkaitan.

Nombor Soalan : 3 a) (i) Perniagaan Adli

Akaun Pengeluaran			
Kos bahan langsung			Kos Pengeluaran 430060 (dipindahkan ke Akaun Perdagangan)
Stok awal		4000	
Belian		155000	
		164000	
(-) Stok akhir		9750	
Kos bahan langsung digunakan			154250
Upah langsung			125620
Kos Prima			289870
Kos Overhead :			
Susut nilai mesin		11200	
Sewa kilang		20700	
Belanja kenderaan		37200	
Elektrik		20250	
Belanja membaiki mesin		6550	
Alat-alat kecil		4950	
Upah tak langsung		28440	
Gaji		18000	149290
			429160
(+) Kerja dalam proses awal			12500
			441660
(-) Kerja dalam proses akhir			11600
			430060
			430060

Jawapan disediakan dengan lengkap, tepat, kemas dan jelas. Angka jawapan bagi item yang terlibat dengan pelarasan adalah tepat walaupun tiada jalan pengiraan ditunjukkan. Ini menunjukkan calon berkemahiran tinggi untuk menyelesaikan pelbagai aras kesukaran bagi pelarasan yang terlibat.

Per Panigsaan Adli		30 September 2014	
Pusat pengeluaran Pda		Rn	Rn
Butir		Rn	Rn
Kos Bahan Langsung:			
Stok awal		9000	9000
Belian bahan langsung		155000	164000
			164000
- Stok akhir			9750
Kos kos bahan langsung			154250
Kos Buruh langsung:			
Upah langsung (123500 + 2120)			125620
Kos PRIMA:			279870
Kos Overhead:			
Alat - Alat kecil (750 + 5000 - 300)		4950	
Susut nilai mesin (10% x 112000)		11200	
Sewa (75% x 30000)		22500	
Belanja kenderaan (60% x 62000)		37200	
Elektrik (90% x 22500)		20250	
Belanja menyalir mesin (90% x 9500)		8550	151090
Upah tak langsung (27500 + 640)		58440	
Gaji (40% x 45000)		18000	122650
Kos overhead:			402520
+ Kerja dalam proses awal		12500	130960
- Kerja dalam proses akhir		11600	900
Kos PENGELUARAN			<u>431860</u>

Jawapan mengikut format yang betul serta dapat menentukan dengan tepat item bagi setiap komponen kos tetapi kurang kemahiran untuk menyelesaikan semua pelarasan aras tinggi. Jalan kerja bagi pelarasan telah ditunjukkan dengan jelas. Ada juga calon membuat kesilapan kerana menyelaraskan kerja dalam proses dengan kos overhead. Kerja dalam proses sepatutnya diselaraskan dengan jumlah ketiga-tiga iaitu komponen kos bahan, kos buruh dan kos overhead.

3 a) i)

## Perniagaan Adli

Akaun Pengeluaran pada 30 September 2014

	Rm	Rm	Rm
Stok bahan langsung		9750	
Kerja dalam proses		<del>24100</del> 17600	
Barang siap		12350	
Alat-alat kecil		800	
			34500
Tolak: Belanja			
Upah langsung terakru		125620	
Upah tak langsung		28440	
Sewa terdahulu		2400	
Susut nilai mesin		11200	
Gaji		18000	
Belanja kenderaan		37200	
Elektrik		20250	
Belanja membaiki mesin		8550	
sewa		22500	
			274160
Rugi bersih			(239660)

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak menguasai format akaun pengeluaran. Jawapan yang ditunjukkan menggunakan pendekatan hasil tolak belanja. Calon kategori ini juga tidak dapat mengenal pasti komponen kos pengeluaran.

(ii) Akaun Perdagangan

Soalan menguji calon untuk menyediakan akaun perdagangan bagi pengilang yang menjual barang yang dikeluarkan. Tiada belian barang siap dari mana-mana pembekal.

Perniagaan Adli

Akaun Perdagangan			
Stok awal	7600	Jualan	560 000
Kos pengeluaran	430060		
	437660		
(-) Stok akhir	12350		
Kos jualan	425310		
Untung Kasar	134690		
	560 000		560 000

Akaun Perdagangan disediakan dengan lengkap dan tepat. Kos pengeluaran dipindahkan dari soalan 3a untuk menentukan kos barang untuk dijual dan seterusnya dapat menentukan kos jualan dan untung kasar yang tepat.

Perniagaan Adli

Akaun perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2014

Stok awal barang siap	7600	Jualan	1560 000
Kos pengeluaran	186610		
	194210		
(-) Stok akhir barang siap	12350		
	181860		
Untung Kasar	378140		
	560 000		560 000

Jawapan di atas menunjukkan calon boleh menyediakan akaun perdagangan dengan betul tetapi tidak melabelkan butir 'kos jualan'. Item 'kos pengeluaran' adalah merujuk kepada jawapan calon di soalan 3a(i).

Perniagaan Adli

Akaun perdagangan			
Stok awal barang siap	7600	Jualan	560 000
(+) Kos pengeluaran	522240	Untung rugi	42510
	529840		
(-) Stok akhir barang siap	12350		
	517490		

Jawapan di atas tidak menetapi format Akaun Perdagangan.

(b) Mengira perkara berikut sekiranya perniagaan Adli telah mengeluarkan sebanyak 200 000 unit barangan dan telah menjual sebanyak 150 000 unit sehingga tarikh tersebut.

(i) Kos berubah seunit

Soalan ini menguji calon kemahiran menghubungkan kait jumlah kos berubah dengan kos prima yang terdapat dalam akaun pengeluaran di 3a(i). Calon perlu mengira kos berubah seunit jika tahap pengeluaran ialah 200 000 unit.

$$\begin{aligned}
 3(b)(i) \text{ Kos Berubah} &= \frac{\text{Kos Prima}}{\text{Unit Keluaran}} \\
 &= \frac{\text{RM}279870}{200000} \\
 &= \text{RM}1.40
 \end{aligned}$$

Jawapan diatas menunjukkan calon dapat menghubungkan kait kos prima dengan kos berubah dan ini membolehkan calon mengira kos berubah seunit dengan betul.

$$\begin{aligned}
 3(b)(i) \text{ Kos Berubah} &= \frac{\text{Kos Prima}}{\text{Unit Keluaran}} \\
 &= \frac{\text{RM}279870}{200000} \\
 &= \text{RM}1.39935
 \end{aligned}$$

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat mengenal pasti hubung kait kos prima dan kos berubah dengan betul tetapi tidak menulis kos berubah seunit dalam bentuk RM iaitu hanya dua tempat perpuluhan untuk sen.

3 b(i)	Kos berubah seunit = $\frac{\text{Perubahan Kos}}{\text{Perubahan output}}$
	= $\frac{430060}{200000}$
	= RM 2.15

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak berupaya mengira kos berubah seunit kerana tidak dapat mengenal pasti hubung kait kos prima dengan kos berubah.

(ii) Harga jualan seunit

Soalan ini menguji calon mengira harga jualan seunit berdasarkan maklumat yang diberi

b(ii)	Harga jualan seunit = $\frac{\text{Jumlah Jualan}}{\text{Volum Jualan}}$
	= $\frac{560000}{150000}$
	= RM 3.73

ii. Hrg jualan seunit = RM 560 000

---

150000 unit

---

= RM 3.74

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat mengira dengan rumus yang betul dan memberikan jawapan yang tepat. Jalan kerja juga ditunjukkan dengan lengkap. Terdapat juga calon tidak membundarkan angka jawapan kepada dua tempat perpuluhan dengan tepat.

ii) Harga jualan seunit

---

200 000 = 1.33

---

150 000

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat menghitung harga jualan seunit kerana tidak menguasai rumus.

- 4 (a) Belanja berikut dibayar oleh Abu Samah Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2014.

	RM
Insurans	3 840
Sewa	4 000

Premium insurans adalah untuk setahun bermula 1 Januari 2014 manakala sewa tahunan ialah RM5 200.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Akaun Insurans

Soalan ini mengkehendaki calon menyediakan Akaun Insurans berdasarkan maklumat berkaitan iaitu jumlah insurans yang telah dibayar dalam tahun kewangan semasa dan tempoh perlindungan insurans yang telah dibayar itu. Selain perlu ada penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam menyedia dan mengimbang akaun lejar, calon juga perlu memahami prinsip dan cara mengaplikasikan 'prinsip pengiktirafan hasil dan belanja'.

**LEJAR**

401.			Akaun Insurans			
2014 Sept 30	Bank		3840	2014 Sept 30	Untung Rugi	2880
					Baki	116
			3840			3840
001	Baki	116	960			

Jawapan di atas menunjukkan calon berupaya menyediakan Akaun Insurans dengan lengkap dan tepat berdasarkan tugas dan maklumat soalan. Calon berjaya menentukan angka belanja yang perlu diiktiraf dalam tahun kewangan semasa dengan butir yang tepat (Untung rugi).

		Akaun Insurans			
			RM		RM
	<del>Bank</del> Bank		3840	Bank	2880
				Insurans Terdahulu	960
			3840		3840

Jawapan di atas menunjukkan calon gagal menentukan butiran yang betul untuk angka belanja yang diiktiraf iaitu menggunakan butir 'bank' (sebelah kredit akaun insurans) menggantikan butir "Untung rugi".

a)	(i)	Akaun		Insurans	
	2014		RM	2014	RM
	Sep 30	Bank	<u>3840</u>	Sep 30	untung rugi <u>3840</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat menyediakan Akaun Insurans dengan tepat. Calon kumpulan ini tidak dapat mentafsir maklumat soalan dan dengan itu angka bagi belanja yang perlu diiktiraf tidak dapat ditentukan dengan tepat.

### (ii) Akaun Sewa

Soalan ini mengkehendaki calon menyediakan Akaun Sewa berdasarkan maklumat berkaitan iaitu jumlah sewa yang telah diterima dan jumlah sewa sebenar dalam tahun kewangan semasa. Calon perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menyedia dan mengimbang akaun lejar serta memahami dan dapat mengaplikasikan 'prinsip pengiktirafan hasil dan belanja'.

# aji.			Akaun	Sewa			
2014	Bank		4000	2014	untung rugi		5200
Sep 30	Baki	h/b	1200	Sep 30			
			<u>5200</u>				<u>5200</u>
				okt 1	Baki	b/b	<u>1200</u>

Akaun Sewa Diterima disediakan dengan lengkap dan tepat berdasarkan tugas dan maklumat soalan. Calon berjaya menentukan angka hasil yang perlu diiktiraf dalam tahun kewangan semasa dengan butir yang tepat (Untung rugi).

Akaun Sewa			
		RM	RM.
Bank		4000	5200
Jewo Terakru		1200	
		5200	5200

Jawapan di atas menunjukkan calon gagal menentukan butir yang betul untuk angka hasil yang diiktiraf iaitu menggunakan butir 'bank' (sebelah kredit akaun sewa) menggantikan butir "Untung rugi".

Akaun Sewa			
2014		RM	2014
sep 30	Bank	4000	sep 30 Baki h/b
30	untung rugi	1200	
		5200	5200
okt 1	Baki h/b	5200	

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat mentafsir maklumat soalan iaitu 'sewa' yang sepatutnya ditafsir sebagai hasil telah ditafsir sebagai belanja. Salah tafsir ini menyebabkan akaun yang disediakan berbaki debit. Calon juga tidak memahami prinsip 'pengiktirafan hasil dan belanja' dan dengan itu angka hasil yang diiktiraf tidak tepat.

- (b) Tempoh perakaunan Ganda Dua Enterprise berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Baki penghutang pada 30 Jun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	RM
2013	25 000
2014	23 000

Ganda Dua Enterprise memperuntukkan 2% peruntukan hutang ragu daripada jumlah penghutang bagi setiap tempoh perakaunan.

**Sediakan** Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun berakhir 30 Jun 2013 dan 30 Jun 2014.

Soalan ini mengkehendaki calon menyediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu berdasarkan maklumat penghutang bagi dua tahun dan peratus peruntukan hutang ragu. Selain perlu ada penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan mengimbang akaun lejar, calon juga perlu dapat menghitung dan memahami kesan penambahan dan pengurangan peruntukan hutang ragu supaya dapat menentukan angka dan butir yang tepat.

b.		Akaun Peruntukan Hutang Ragu				
2013 Jun 30	Baki	n/b	500	2013 Jun 30	Untung Rugi	500
			500			500
2014 Jun 30	Untung Rugi		40	Jul 1	Baki	b/b
	Baki	n/b	460			
			500			500
				2014 Jul 1	Baki	b/b
						460

Akaun Peruntukan Hutang Ragu dapat disediakan dengan lengkap dan tepat berdasarkan tugas dan maklumat soalan. Calon berjaya menentukan angka peruntukan pada hujung tahun bagi dua tahun berkenaan serta dapat mengenal pasti kedudukan hasil dan belanja yang diiktiraf (kesan penambahan dan pengurangan) butir dan angka yang tepat.



- (c) Encik Bakar memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2013. Beliau tidak menyediakan rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu. Pada 15 Julai 2014 beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2014.

Encik Bakar memberikan maklumat berikut:

(1)	<u>1 Januari 2014</u>	<u>30 Jun 2014</u>
	RM	RM
Premis (kos)	70 000	?
Lengkapan danengkapan (kos)	5 400	5 400
Stok	2 150	3 410
Penghutang	1 235	2 415
Gaji terdahulu	350	–
Kadar bayaran terakru	–	240
Pemiutang	970	1 050
Bank	1 407 (dt)	?

- (2) Pemilik menggunakan wang sendiri untuk membayar kepada kontraktor bagi pengubahsuaian premis berjumlah RM20 000.
- (3) Lengkapan danengkapan disusutnilaikan sebanyak 10 % setahun. Aset berkenaan dibeli pada 1 Jan 2013.
- (4) Seorang penghutang telah dilaporkan menghilang diri. Hutangnya berjumlah RM350 telah dihapuskan.
- (5) Pemilik telah membuat ambilan tunai RM300 dan barang niaga RM200 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya.
- (6) Overdraf bank berjumlah RM208.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Penyata Mengira Modal Pada 30 Jun 2014.

[7 markah]

Soalan bahagian (c)(i) adalah meliputi topik Rekod Tak Lengkap. Maklumat yang diberi adalah berkaitan baki aset dan liabiliti pada dua titik tarikh iaitu awal dan akhir tahun dan juga lima maklumat tambahan berkaitan. Calon perlu mempunyai pengetahuan tentang kaedah penyediaan Penyata Mengira Modal berdasarkan maklumat soalan dengan tepat. Penguasaan mengaplikasi pendekatan persamaan perakaunan adalah sangat penting untuk menyelesaikan tugas ini.

d) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2014

Aset	(RM)	(RM)	(RM)
Premis (70 000 + 20 000)		90 000	
Lengkapan dan Lengkapan	5400		
- Susut Nilai Tertumpuk Lengkapan dan Lengkapan ( $\frac{10}{100} \times 54000$ )	810		
		4590	
Stok akhir		3410	
Penghutang (2415 - 350)		2065	
		100 065	
- Liabiliti			
Kadar bayaran terakur	240		
Pemiutang	1050		
Overdraft bank	208		
		1498	
Modal akhir			<u>98567</u>

Jawapan di atas mempamerkan jawapan yang jelas, tepat dan lengkap. Item dan angka setiap item bagi aset dan liabiliti dapat dikenal pasti dan ditentukan dengan tepat. Calon menguasai pengetahuan dan kemahiran membuat pelarasan bagi item yang berkaitan dengan menunjukkan jalan kerja pengiraan dengan jelas.

c. Penyata Mengira modal pada 30 Jun 2014	RM	RM
Aset		
Premis		70000
Lengkapan dan Lengkapan		4320
Stok		3410
Penghutang		2065
		79795
Tolak Liabiliti		
Pemiutang	1050	
Bank	208	
Kadar bayaran terakur	240	1498
Modal pada 30 Jun 2014		<u>78297</u>

Jawapan di atas menunjukkan calon berjaya mengenal pasti item dalam komponen aset dan liabiliti dengan betul. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian item dan angka yang tidak tepat kerana tidak mengambil kira pelarasan yang berkaitan. Pendekatan persamaan perakaunan telah diaplikasikan dengan betul.

Penyata Mengira Modal Pada 30 Jun 2014

	RM	RM
<b>Aset</b>		
Premis (70000 - 795)	69205	
Lekapan dan Lengkapan	5400	
Stok (3410 - 2150)	<del>3410</del> 1260	
Penghutang (2415 - 1235)	<del>2415</del> 1180	
Modal tambahan	20000	
		<del>80430</del>
<b>Liabiliti</b>		<del>47010</del>
Kadar bayaran terakru	240	<del>100430</del>
Pemiutang (1050 - 970)	<del>1050</del> 80	97045
Bank (kt) (1407 + 208)	<del>1615</del>	
Susut nilai lekapan dan lengkapan ( $5400 \times \frac{6}{12}$ )	<del>2700</del> 270	
hutang lapuk dihapuskan	350	
Ambilan ( <del><math>300 \times \frac{6}{12}</math></del> ) + ( <del><math>200 \times \frac{6}{12}</math></del> ) = $(300 \times 6) + (200 \times 6)$	3000	
		5555
Modal		91490

Jawapan di atas menunjukkan calon berjaya mengenal pasti sebahagian besar item dalam komponen aset dan liabiliti dengan betul. Walau bagaimanapun terdapat juga calon dalam kumpulan ini mengambil kira item yang tidak relevan dalam komponen item. Pendekatan persamaan perakaunan telah diaplikasikan tetapi angka jawapan adalah tidak tepat kerana calon tidak dapat mengklasifikasi item dengan betul.

(ii) Penyata Untung Rugi bagi setengah tahun berakhir pada 30 Jun 2014.

Soalan ini memerlukan calon menyediakan Penyata Untung Rugi. Calon perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenal pasti item apa yang relevan dan dari mana maklumat berkaitan boleh diperolehi bagi melengkapkan jawapan. Penguasaan mengaplikasikan pendekatan menentukan modal akhir dalam komponen ekuiti pemilik di Kunci Kira-kira akan membolehkan calon mengenal pasti rumus yang boleh digunakan. Rumus ini perlu diaplikasikan secara songsang untuk mendapatkan angka bagi untung atau rugi bersih (Modal Akhir + Ambilan – Ambilan – Modal awal = untung atau rugi bersih). Walau bagaimanapun angka setiap item mestilah tepat dan dengan itu calon perlu dapat membuat pelarasan mana yang berkaitan berdasarkan maklumat pelarasan dalam soalan.

Modal akhir		98567	
+ Ambilan (300x6 + 200x6)		3000	
		101567	
- Modal tambahan		20000	
		82567	
- Modal awal (80542 - 970)		79572	
Untung bersih			<u>1995</u>

Penyata Untung Rugi dapat disediakan dengan jelas, lengkap dan tepat kerana telah mengaplikasikan rumus yang betul. Angka setiap item adalah tepat kerana calon berupaya membuat pelarasan terhadap item yang berkaitan berdasarkan maklumat pelarasan dalam soalan.

d. Penyata Untung Rugi bagi setengah tahun berakhir pada 30 Jun 2014

Modal Akhir		78297
Campur :		
Ambilan		6000
		84297
Tolak :		
Modal Awal	79032	
Modal tambahan	20000	99032
Rugi bersih		(14735)

Jawapan di atas menunjukkan calon boleh menyediakan Penyata Untung Rugi dengan jelas dan lengkap tetapi tidak tepat. Ini adalah kerana angka modal akhir yang diguna pakai adalah angka jawapan c(i) yang tidak tepat. Walau bagaimanapun calon mempunyai kemahiran menentukan sumber maklumat mana yang perlu dirujuk.

Penyata untus Rugi  
bagi setengah tahun berakhir  
pada 30 Jun 2014

	RM	RM	RM
Untung Kasar			
Hasil			
Belanja		135	
susut nilaiengkapan		270	
Hutang lapuk		350	

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat menyediakan Penyata Untung Rugi dengan lengkap dan tepat. Rumus tidak dikuasai dan item yang perlu diambil kira tidak dapat dikenal pasti menyebabkan terdapat item yang tidak relevan dalam jawapan.

**Jurnal Am**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
2014 Mac 1	Tunai Bank Stok Lekapan dan lengkapan Cempaka Sari Pte. Ltd. Didy Enterprise Seri Andalas Enterprise Modal (Aset dan liabiliti pada tarikh ini)	RM 750 5 000 3 150 5 000 2 500 300	RM      1 450 15 250
12	Cempaka Sari Pte. Ltd. Diskaun diberi (Diskaun diberi dibatalkan)	250	250
15	Angkutan masuk Kamarul Enterprise (Angkutan masuk dikenakan)	150	150
31	Hutang lapuk Didy Enterprise (Hutang lapuk dihapus kira)	300	300
31	Hutang ragu Peruntukan hutang ragu (Mewujudkan peruntukan hutang ragu)	28	28

**Jurnal Belian**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Jumlah</b>
2014 Mac 5	Kamarul Enterprise	RM 3 000
15	Seri Andalas Enterprise	2 450
28	Kamarul Enterprise	2 000
31	Akaun Belian	7 450

**Jurnal Jualan**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Jumlah</b>
2014 Mac 8	Syikin Supplier	RM 4 120
16	Perniagaan Aliff	1 800
22	Syikin Supplier	2 550
27	Cempaka Sari Pte. Ltd.	1 500
31	Akaun Jualan	9 970

**Jurnal Pulangan Belian**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Jumlah</b>
2014 Mac 8	Kamarul Enterprise	RM 250
31	Akaun Pulangan Belian	250

**Jurnal Pulangan Jualan**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Jumlah</b>
2014 Mac 11	Syikin Supplier	RM 180
29	Cempaka Sari Pte. Ltd.	100
31	Jurnal Pulangan Jualan	280

BUKU TUNAI						BT 1					
Tarikh	Butir	Fol.	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Fol.	Disk.	Tunai	Bank
2014			RM	RM	RM	2014			RM	RM	RM
Mac						Mac					
1	Baki b/b			750	5000	1	Belian			200	
3	Cempaka Sari Pte. Ltd.		250		2250		Seri Andalas Enterprise		270		1160
7	Jualan			300		5	Kadar bayaran				350
10	Komisen				150	10	Alat tulis			65	
15	Cempaka Sari Pte. Ltd.				2500	11	Cempaka Sari Pte. Ltd.				2250
17	Jualan			400		12	Kamarul Enterprise		600		2550
18	Tunai	/			1200	17	Bank	/		1200	
22	Jualan				1050	18	Belian				1000
24	Perniagaan Aliff				1800	21	Seri Andalas Enterprise		245		2205
26	Syikin Supplier		255		6415	24	Gaji				850
30	Jualan			270		28	Sewa				1400
						30	Baki h/b			255	8600
			505	1720	20365				1115	1720	20365
April											
1	Baki b/b			255	8600						

Soalan 5 menguji calon kemahiran mengkelas dan mentafsir maklumat dalam jurnal am, jurnal khas dan buku tunai untuk menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang. Calon perlu mengetahui fungsi akaun kawalan dan proses urus niaga kredit. Calon juga perlu tahu membezakan antara urus niaga yang melibatkan penghutang dan pemiutang.

- 5 (a) Berdasarkan catatan jurnal dan Buku tunai yang diperoleh daripada buku perniagaan Seri Warisan, anda dikehendaki menyediakan:**
- (i) Akaun Kawalan Pemiutang

Soalan 5a mengkehendaki calon menyediakan Akaun Kawalan Pemiutang. Calon perlu bijak mentafsir maklumat urus niaga yang melibatkan pemiutang dalam buku catatan pertama dan buku tunai.

(a) (i)	Akaun Kawalan Pemiutang					
	2014			2014		
	Mac 31	Pulangan Belian	250	Mac 1	Baki b/b	1450
		Diskaun Diterima	1115	15	Angkutan masuk	150
		Bank	5915	31	Belian	7450
		Baki h/b	1770			
			9051			9050
				Apr 1	Baki b/b	1770

Akaun Kawalan Pemiutang dengan lengkap dan tepat. Catatan sebelah debit dan kredit direkodkan dengan butir yang tepat dan angka yang jelas. Tarikh telah ditulis dengan jelas. Akaun Kawalan Pemiutang ini telah diimbangkan dan baki akhir (h/b) dibawa ke tempoh berikutnya.

Akaun Kawalan Pemiutang

Rn	Rn
	Bank s/b 1450
Pulangan belian 250	Belian 7450
Diskau diterima 1115	angkutan masuk dikenakan 150
Bank hib 7685	
9050	9050
	Bank b/b 7685

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat menyediakan Akaun Kawalan Pemiutang dengan baik dari segi formatnya tetapi tertinggal satu item penting iaitu 'Bank'. Maklumat untuk 'bank' ini dapat diperolehi dengan merujuk kepada catatan sebelah kredit di Buku Tunai. Calon juga telah menulis butir yang kurang tepat di sebelah kredit iaitu 'angkutan masuk dikenakan'

Akaun Kawalan Pemiutang

Pulangan belian 250	Belian 7450
Diskau diberi 250	
Syikin Supplier 420	
Perniagaan Aliff 1800	
Syikin Supplier 2550	
Cempaka Sari Pte Ltd 1500	
Syikin Supplier 100	
Cempaka Sari Pte Ltd 100	

Jawapan di atas menggambarkan ketidakfahaman calon tentang fungsi akaun kawalan. Hanya jumlah urus niaga sepatutnya dicatatkan dalam akaun kawalan. Calon ini juga tidak dapat membezakan antara pemiutang dan penghutang.

(ii) Akaun Kawalan Penghutang

Soalan 5a(ii) menguji calon kemahiran menyediakan Akaun Kawalan Penghutang berdasarkan buku catatan pertama dan buku tunai.

Akaun Kawalan Penghutang					
2014			2014		
Mac 1	Baki b/b	2800	Mac 31	Pulangan Jualan	280
11	Bank (cek tak tunai)	2250		Hutang Japuk	300
12	Diskaun diberi ( <del>dibawa</del> )	250		Bank	10965
31	Jualan	9970		Diskaun diberi	505
				Baki h/b	1220
		15270			15270
Apr 1	Baki b/b	1220			

Akaun Kawalan Penghutang dapat disediakan dengan lengkap dan tepat. Selain dari mengimbangkan akaun dengan baik, calon juga telah membawa baki akhir ke tempoh berikutnya.

Akaun Kawalan Penghutang					
Se(ii)			Dr		
		Dr			Dr
	Baki h/b	2500			
	Jualan	9970		pulangan jualan	280
	Diskaun diberi ( <del>dibawa</del> )	250		Diskaun diberi	505
	<del>angketan masuk ditandakan</del>	150		Hutang Japuk	300
				Baki h/b	11785
		12870			12870
	Baki h/b	11785			

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dengan baik dari segi formatnya tetapi tertinggal satu item penting iaitu 'Bank'. Maklumat untuk 'bank' ini dapat diperolehi dengan merujuk kepada catatan sebelah debit di Buku Tunai.

Jualan	9970	Pulangan jualan	280
Baki b/b	1540	Hutang lapuk dihapuskan	300
		Angkutan masuk	150
		Kamarul Enterprise	250
		Seri Andalas	2450
		Kamarul Enterprise	3000
		Kamarul Enterprise	2000
		Baki h/b	1540
	9970		9970

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak berupaya menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dengan betul. Kedudukan baki b/b disebelah debit sepatutnya dicatat di atas sekali sebelum jualan. Item yang melibatkan hutang lapuk telah direkod dengan nilai yang betul tetapi butirnya tidak tepat. Angkutan masuk, Kamarul Enterprise dan Seri Andalas merupakan butir asing dalam Akaun Kawalan Penghutang kerana ia berkaitan dengan pemiutang. Baki akhir juga tidak dibawa ke tempoh berikutnya.

(b) **Kirakan:**

- (i) Jumlah Jualan
- (ii) Jumlah Belian

Soalan 5b merupakan soalan aras rendah yang menguji calon tentang jumlah jualan dan jumlah belian. Calon perlu tahu bahawa terdapat urus niaga tunai dan urus niaga kredit bagi jualan dan belian. Calon hanya perlu mengenal pasti urus niaga tunai dari Buku Tunai yang diberi. Urus niaga kredit dapat dikenal pasti dari Jurnal Jualan dan Jurnal Belian.

(b)(i)	Jumlah jualan = RM 9970 + RM 300 + RM 400 + RM 270 + RM 1050
	= RM 11990
(ii)	Jumlah Belian = RM 7450 + RM 200 + RM 1000
	= RM 8650

Jawapan calon menggambarkan penguasaan yang baik dalam menguasai tajuk buku catatan pertama dan buku tunai. Calon dapat mengenal pasti urus niaga tunai dan urus niaga kredit dengan betul.

	Jumlah Belian Jualan = 9970 + 300 + 400 + 270
	= 10940
ii)	Jumlah Belian = 7450 + 200 + 1000
	= 8650

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat mengira jumlah jualan dan jumlah belian dengan betul tetapi tertinggal satu item iaitu jualan tunai. Ini menyebabkan jawapan yang diberi kurang tepat.

bi.	Jumlah jualan = RM 8005 + RM 300 + RM 1000 + RM 1050 + RM 270				
	= RM 10625				
ii.	Jumlah belian = RM 7315 + RM 200 + RM 1000				
	= RM 8515				

Jawapan di atas menunjukkan calon mengetahui jumlah jualan dan jumlah belian melibatkan urus niaga kredit dan urus niaga tunai, tetapi tidak dapat mengenal pasti jualan kredit dan belian kredit dengan betul. Ini menyebabkan angka jawapan yang diberi tidak tepat.

- 6 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Tompok Trading dan Impian Setia Trading pada 30 Jun 2014.

<u>Tompok Trading</u>	RM
Jualan	200 000
Belian	152 000
Stok 1 Julai 2013	36 000
Stok 30 Jun 2014	28 000
Kos Jualan	160 000
Belanja	6 000
Untung Bersih	34 000
Penghutang	49 315
Tunai	750
Overdraf bank	2 095
Insurans terdahulu	600
Pemiutang	20 411
Pinjaman (Matang pada 1 April 2015)	6 000
Modal pada 1 Julai 2013	425 000

Nota: Semua urusan niaga belian dan jualan adalah secara kredit.

<u>Impian Setia Trading</u>	
Tokokan	30 %
Peratus untung bersih atas jualan	20 %
Pulangan atas modal	10 %
Nisbah semasa	3:1
Kadar pusing ganti stok	8 kali
Tempoh kutipan hutang	60 hari

**Anda dikehendaki:**

- (a) Mengira nisbah berikut untuk Tompok Trading:
- (i) Tokokan
  - (ii) Peratus untung bersih atas jualan
  - (iii) Pulangan atas modal
  - (iv) Nisbah semasa
  - (v) Kadar pusing ganti stok
  - (vi) Tempoh kutipan hutang

Calon dikehendaki mengira pelbagai nisbah untuk Tompok Trading berdasarkan maklumat yang diberikan. Calon mempunyai kemahiran untuk mengingati semula rumus serta dapat menghitung semua nisbah dengan tepat.

	$\text{Tokokan} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos jualan}} \times 100$
	$= \frac{\text{Jualan} - \text{Kos jualan}}{\text{Kos jualan}} \times 100$
	$= \frac{\text{RM}200\,000 - \text{RM}160\,000}{\text{RM}160\,000} \times 100$
	$= 25\%.$
6 a ii)	$\text{Peratus untung bersih atas jualan}$
	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan}} \times 100$
	$= \frac{\text{RM}34\,000}{\text{RM}200\,000} \times 100$
	$= 17\%.$
6 a iii)	$\text{Pulangan atas modal} = \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100$
	$= \frac{\text{RM}34\,000}{\text{RM}425\,000} \times 100$
	$= 8\%.$
6 a iv)	$\text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
	$= \frac{\text{Stok akhir} + \text{Penghutang} + \text{Tunai} + \text{Insurans terdahulu}}{\text{Overdraft bank} + \text{Pemiutang} + \text{Pinjaman}}$
	$= \frac{\text{RM}28\,000 + \text{RM}49\,315 + \text{RM}750 + \text{RM}600}{\text{RM}2045 + \text{RM}20411 + \text{RM}6000}$
	$= \frac{\text{RM}78665}{\text{RM}28506}$
	$= 2.76 : 1$
6 a v)	$\text{Kadar Pusing Ganti Stok} = \frac{\text{Kos jualan}}{\text{Stok purata}}$
	$= \frac{\text{Kos jualan}}{\frac{\text{Stok awal} + \text{Stok akhir}}{2}}$
	$= \frac{\text{RM}160\,000}{\frac{\text{RM}36\,000 + \text{RM}28\,000}{2}} = \frac{\text{RM}160\,000}{\text{RM}32\,000} = 5 \text{ kali}$
6 a vi)	$\text{Tempoh kutipan hutang} = \frac{\text{Penghutang}}{\text{Jualan kredit}} \times 365$
	$= \frac{\text{RM}49315}{\text{RM}200\,000} \times 365$
	$90 \text{ hari}$

Calon dapat memberikan jawapan yang tepat dan lengkap. Calon juga dapat mengingat semula rumus dan diaplikasikan dengan baik.

$$\begin{aligned}
 \text{a) i) Tokokan} &= \frac{\text{untung kasar}}{\text{kos jualan}} \times 100 \\
 &= \frac{40000}{160000} \times 100 \\
 &= 25\% \\
 \text{ii) Peratus untung bersih atas jualan} &= \frac{34000}{200000} \times 100 \\
 &= 17\% \\
 \text{iii) Pulangan atas modal} &= \frac{\text{untung bersih}}{\text{modal awal}} \times 100 \\
 &= \frac{34000}{425000} \times 100 \\
 &= 8\% \\
 \text{iv) Nisbah semasa} &= \frac{\text{Aset semasa}}{\text{Liabiliti semasa}} \\
 &= \frac{78665}{28506} \\
 &= 2.8:1 \\
 \text{v) kadar pusing ganti stok} &= \frac{36000}{6000} \\
 &= 6 \text{ kali} \\
 \text{vi) Tempoh kutipan hutang} &=
 \end{aligned}$$

Jawapan di atas menunjukkan calon berupaya menjawab empat daripada enam nisbah yang dikehendaki dengan tepat beserta dengan pengiraan dan rumus yang betul.

$$d) i) \text{ Tokotan} = \frac{\text{Kos jualan}}{\text{Untung kasar}} \times 100$$

$$= \frac{160\,000}{40\,000} \times 100$$

$$= 400\%$$

$$ii) \text{ Untung bersih atas jualan} = \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan}} \times 100$$

$$\frac{34\,000}{200\,000} \times 100 = 17\%$$

$$iii) \text{ Pulangan atas modal} = \frac{\text{Modal awal}}{\text{UB}} \times 100$$

$$\frac{42\,500}{34\,000} \times 100 = 125\%$$

$$iv) \text{ Nisbah Semasa} = \frac{\text{aset semasa}}{\text{liabiliti semasa}}$$

$$= \frac{50\,665}{22\,806} = 2.25 \text{ : } 1$$

$$v) \text{ KPGS} = \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Stok Purata}}$$

$$= \frac{40\,000}{8\,000} = 5 \text{ kali}$$

Jawapan di atas menunjukkan calon berupaya menjawab dua daripada enam nisbah yang dikehendaki dengan betul. Calon hanya mengingati sebahagian rumus dengan tepat. Calon juga cuba menjawab pengiraan nisbah yang lain tetapi tidak menepati rumus yang betul.

(b) Bandingkan prestasi Tompok Trading dengan Impian Setia Trading bagi setiap nisbah di 6(a).

Calon dikehendaki membuat perbandingan nisbah antara Tompok Trading dengan Impian Setia Trading. Calon mempunyai kemahiran membuat perbandingan prestasi dengan betul dan tepat berdasarkan nisbah yang dihitung dan nisbah yang diberi.

- Tokokan Impian Setia Trading lebih tinggi daripada Tompok Trading, 25%.
- Peratus untung bersih atas jualan Impian Setia Trading, 20% lebih tinggi daripada Tompok Trading, 17%.
- Pulangan atas modal Impian Setia Trading, 10% lebih tinggi daripada Tompok Trading, 8%.
- Nisbah Semasa Impian Setia Trading $\neq$ 3:1 lebih tinggi daripada Tompok Trading, 2.76 : 1.
- Kadar pusing ganti stok Impian Setia Trading $\neq$ 8 kali lebih tinggi daripada Tompok Trading, 5 kali.
- Tempoh kutipan hutang Impian Setia Trading, 60 hari lebih <del>panjang</del> berjangka pendek daripada Tompok Trading, 90 hari.

Jawapan di atas menunjukkan calon boleh membuat kesemua tafsiran perbandingan antara dua perniagaan berdasarkan nisbah yang dihitung dan nisbah yang diberi. Seterusnya, calon dapat membuat keputusan untuk memilih perniagaan yang sesuai bagi membuat pelaburan.

Nisbah tokokan tompok trading lebih rendah daripada Impian setia Trading. Nisbah peratus untung bersih atas jualan ~~peratus~~ tompok trading lebih rendah daripada Impian setia trading. Nisbah pulangan atas modal tompok trading lebih rendah daripada Impian setia Trading. Nisbah semasa tompok trading lebih rendah daripada Impian setia trading. Nisbah kadar pusing ganti stok tompok trading lebih rendah daripada Impian setia trading. Nisbah tempoh kutipan hutang tompok trading lebih tinggi daripada Impian setia trading.

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak dapat membuat perbandingan dengan betul dan penerangan yang dibuat juga kurang tepat serta tiada angka nisbah ditunjukkan bagi kedua-dua perniagaan.

- Nisbah tokokan Tempok Trading lebih tinggi berbanding Impian Setia Trading.
- ii) Peratus untung bersih atas jualan Tempok Trading lebih tinggi berbanding Tempok Trading.
- iii)
- iv) Nisbah semasa Impian Trading lebih tinggi berbanding Tempok Trading.
- v) Kadar Pusing ganti stok Impian Trading lebih tinggi berbanding Tempok Trading.
- vii) Tempok bertipar hgt.

Jawapan di atas menunjukkan calon boleh membandingkan semua nisbah antara dua perniagaan tetapi tidak jelas kerana tidak menyatakan perniagaan mana yang lebih baik.

- (c) Berdasarkan perbandingan prestasi di 6(b), perniagaan manakah yang sesuai untuk dipilih bagi membuat pelaburan?  
Beri alasan anda.

Calon dikehendaki membuat perbandingan prestasi untuk menentukan perniagaan yang sesuai dipilih bagi membuat pelaburan. Calon mempunyai kemahiran membuat pilihan perniagaan yang sesuai untuk membuat pelaburan berdasarkan prestasi kedua-dua perniagaan.

Perniagaan Impian Setia Trading, kerana pulangan atas modal Impian Setia Trading, 10% lebih tinggi daripada Tempok Trading, 8%.

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat memilih perniagaan yang sesuai untuk membuat pelaburan dengan menyatakan alasan yang kukuh.

Impian setia trading kerana Impian setia trading  
memberi pulangan atas modal yang lebih tinggi  
berbanding dengan tempok trading.

Jawapan di atas menunjukkan calon telah memilih perniagaan yang betul tetapi alasan yang diberikan tidak sesuai.

Impian Setia Holdings s. mempunyai peratus untung  
lebih, nisbah semasa adalah lebih tinggi gandi  
Sila lihat lagi.

Jawapan di atas menunjukkan calon dapat membuat pilihan perniagaan untuk membuat pelaburan tetapi alasan yang diberi tidak tepat.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca soalan dengan teliti.
  - 1.1 Calon perlu mengenal pasti dengan jelas tugas soalan contohnya akaun yang perlu dibuka dan pengiraan yang perlu ditunjukkan.
  - 1.2 Calon perlu mengenal pasti pecahan soalan dengan betul dan menjawab mengikut maklumat yang diberi.
  - 1.3 Calon perlu membaca maklumat tambahan dalam soalan dengan teliti sebelum membuat sebarang pengiraan.
  - 1.4 Calon juga perlu peka kepada tarikh awal, tarikh akhir dan tempoh perakaunan
2. Menguasai format
  - 2.1 Mengetahui format penyediaan
    - ✓ Penyata kewangan,
    - ✓ Akaun Pengeluaran dan Akaun Perdagangan,
    - ✓ Penyata Mengira Modal dan Penyata Untung Rugi untuk Rekod tak lengkap dan
    - ✓ Akaun kawalan.
  - 2.2 Menulis butiran seperti tajuk, tarikh, butir dan angka dengan betul dan tepat tanpa ada butir yang tidak berkaitan.
  - 2.3 Menggunakan lajur mengikut format yang betul.
  - 2.4 Menggunakan alat tulis perakaunan yang dibekalkan.
3. Menguasai Sistem Catatan Bergu dan Peraturan Penyediaan Akaun
  - 3.1 Menuliskan nama akaun yang betul, tarikh, butiran dan amaun dengan tepat.
  - 3.2 Menulis butir di sebelah debit dan kredit dengan betul.
  - 3.3 Mengimbangkan akaun dengan betul dan tepat, seterusnya menunjukkan baki b/b pada bulan berikutnya.
4. Menunjukkan semua jalan kerja bagi amaun yang melibatkan sebarang pelarasan bagi penyediaan penyata kewangan milikan tunggal, Akaun Pengeluaran dan Penyata Untung Rugi.
5. Mengetahui hubungkait antara buku catatan pertama dan buku tunai dalam penyediaan Akaun Kawalan.
6. Menguasai rumus bagi analisis nisbah, dapat membuat tafsiran nisbah dan berupaya membuat keputusan dalam menentukan prestasi perniagaan yang lebih baik.
7. Menulis jawapan secara sistematik dan menyusun jawapan mengikut urutan soalan. Nomborkan jawapan dengan betul. Sebaiknya mulakan jawapan bagi setiap soalan pada pada helaian yang baru.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Memulakan pengajaran & pembelajaran dengan menekankan tujuan dan kepentingan setiap topik.
2. Memperbanyakkan latihan untuk tajuk pengelasan akaun dan sistem catatan bergu untuk penguasaan asas perakaunan yang kukuh dalam diri murid.
3. Memperbanyakkan latihan daripada pelbagai topik supaya murid dapat menguasai format jurnal, Buku Tunai, Lejar, Imbangan Duga dan pelbagai penyata dengan betul serta dapat menguasai soalan yang memerlukan aplikasi rumus dan pengiraan. Fungsi dan kegunaannya juga perlu dikuasai.
4. Melatih pelajar membaca soalan dengan teliti untuk mengenal pasti tugas soalan, peka terhadap arahan khusus serta mencari kata kunci dalam soalan. Melatih murid menjawab soalan dalam masa yang diperuntukkan.
5. Melatih murid menjawab soalan menggunakan teknik menjawab soalan yang betul bagi item pelbagai aras kesukaran.
6. Mengajar semua tajuk tanpa menyenarai pendekkan tajuk yang dianggap penting bagi sesuatu tahun.
7. Memberi pendedahan kepada murid soalan yang biasa dikemukakan oleh badan profesional yang setaraf seperti LCCI kerana terdapat soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) .
8. Menggalakkan perkongsian ilmu secara meluas di kalangan rakan-rakan guru antara negeri di Malaysia. Tidak bergantung kepada portal perakaunan yang berkaitan dengan peperiksaan tanpa sebarang tapisan.
9. Membiasakan pelajar dengan penggunaan alat tulis perakaunan yang lazim dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan.